



Headline: Macau Scam: Tiga lagi kes dilaporkan  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 7 October 2020

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 11

# Macau Scam: Tiga lagi kes dilaporkan

Oleh **MASZUREEN HADZMAN, JAMLIAH ABDULLAH dan MOHD SHAHRULANOOR ISHAK**  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**KUALA LUMPUR:** Walaupun hampir setiap hari media melaporkan mengenai insiden penipuan sindiket Macau Scam tetapi orang ramai masih tidak cukup peka dengan kejadian-kejadian itu sehinggakan tiga lagi kes dilaporkan semalam.

Kes pertama melibatkan seorang guru wanita berusia 49 tahun di Kajang yang terpedaya dengan panggilan daripada seorang 'pegawai polis' yang memberitahu kononnya kereta mangsa terbabit kemalangan maut dan kegiatan wang haram.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd. Zaid Hassan berkata, selepas menerima panggilan itu, mangsa kemudiannya diarahkan membuka dua akaun bank dan memasukkan nombor telefon diberikan suspek sebagai nombor telefon pemilik akaun.

"Selepas akaun simpanan dibuka, mangsa memindahkan wang simpanan miliknya ke dalam akaun diberikan suspek kononnya bagi tujuan siasatan.

"Dalam masa yang sama, mangsa juga diarahkan menyediakan wang jaminan menyebabkan mangsa membuat pinjaman peribadi di beberapa bank dan memasukkan wang itu ke dalam akaun diberikan suspek," katanya di sini semalam.

Mangsa membuat laporan polis selepas curiga dengan perkara itu tetapi sudah ter-



**MOHD. WAZIR MOHD. YUSOF**

lambat kerana lebih RM1.1 juta wang miliknya sudah dipindah ke akaun suspek.

Di **Alor Setar**, seorang pekerja swasta rugi RM106,500 apabila menjadi mangsa sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan Pejabat Pos Kuala Lumpur dari September hingga Oktober lalu.

Lelaki berusia 35 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki menyamar kakitangan Pejabat Pos Kuala Lumpur dan mendakwa mangsa terlibat pengubahan wang haram dan dadah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintenden Elias Omar berkata, mangsa menafikan tuduhan tersebut sebelum disambungkan talian ke Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban.

"Mangsa kemudian diarahkan ke Seremban atau waran tangkap akan dikenakan. Suspek turut mengarah mangsa memindahkan wang ke dalam

akaun yang diberikan kononnya sebagai perlindungan insurans," katanya di sini semalam.

Katanya, pada 29 September hingga 1 Oktober mangsa memasukkan wang RM106,500 ke dalam akaun itu.

Di **Kuantan** pula, seorang peruncit wanita lesap RM93,809 gara-gara 'Koperal Zakaria', 'Sarjan Joshua', 'Inspektor Mazlan' dan 'Inspektor Baharun'.

Kejadian bermula apabila mangsa menerima panggilan telefon seorang perempuan yang memperkenalkan diri pekerja di pejabat pos dan dimaklumkan terdapat bungkusan menggunakan alamatnya untuk dihantar dari Kedah ke Negeri Sembilan dan kemungkinan identitinya digunakan pihak lain.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, panggilan tersebut kemudiannya disambungkan kepada lelaki menyamar anggota polis.

"Mangsa bercakap dengan 'Koperal Zakaria', kemudian disambungkan kepada 'Sarjan Joshua' dan memperkenalkan mangsa kepada 'Inspektor Mazlan' dan 'Inspektor Baharun' yang boleh menyelesaikan kes itu," katanya di sini semalam.

Katanya, mangsa diarah mengeluarkan semua wang miliknya dan memasukkannya ke dalam akaun baharu di bank lain yang berfungsi sebagai akaun perlindungan mahkamah.

Kesemua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.